

BIL 1/2021



إتقان العلم والادب
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

چہای Cahaya

Pembimbing Remaja Cemerlang

ILMU VS ADAB

Parents' Blessings: A Key to Success

Adab dan Ilmu Dalam Menggunakan Media Sosial


Tingginya Darjat Orang Berilmu

Mulut Je Celupar, Hati Baik Tau

Mahasiswa Bestari Berakhlak Murni

PERCUMA

eISSN 2811-4043



9 772811 404001

Ilmu dan Adab

Ilmu dan adab
Tidak pernah berjarak
Saling melengkap
Bagai desiran ombak
Tak putus memukul pantai
Kuamati jendela alam
Cicipan burung beriringan
Begitu indah wajah pelangi
Seindah ilmu bersulam adab
Air mataku menitis
Laju mengalir di pipi
Kusedari
Ilmu yang ditatap
Perlu dilengkap bersama adab
Gelapnya malam hari
Butanya mata ini
Akhirnya kecerahan kutemui
Rupanya akhir segala ini
Ilmu dan adab yang mengisi
Aku mendongak langit
Menuntut emosi diri
Menekuni pesan Ilahi
Aku sedari
Akan ku titipkan pesan ini
Agar ilmu dan adab sentiasa menemani

Wafi Razak



Sidang REDAKSI

Penaung

Datuk Abdul Aziz bin Jusoh
Ketua Pengarah JAKIM

Penasihat

Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
JAKIM

Ketua Pengarang

Dr. Lokman bin Ab. Rahman

Pengarang

Majdi bin Mohamad Nor

Penyunting

Mah Lee @ Hajah Mariam binti Abdullah
Effah Imtiaz binti Zainol
Nazirah binti Abu Bakar

Pembantu Penyunting

Khairul Anuar bin Shamsudin
Syahrul Nizam bin Abdul Razak

Reka Bentuk

Zaz Alliance

Pengurus Edaran

Mariam binti Othman

Pembantu Edaran

Ahmad Syahid bin Salleh
Mohamad Zahir bin Abdul Halim

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM. Majalah CAHAYA diterbitkan secara online oleh JAKIM bermula tahun 2016. Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirim selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian JAKIM. Segala sumbangan yang dikirim tidak akan dikembalikan, sama ada disiarkan ataupun tidak. Sidang pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos dan e-mel.



ILMU VS ADAB

Sesungguhnya orang yang berilmu itu mempunyai kedudukan yang istimewa sama ada dalam institusi masyarakat mahupun di sisi Allah. Kelebihan orang yang berilmu telah dinyatakan oleh Allah melalui firman-Nya dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman apabila dikatakan kepadamu: “Berlapang-lapanglah dalam majlis”, maka lapangkanlah, nescaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. Dan apabila dikatakan: “Berdirilah kamu, maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang yang beriman antaramu dan orang yang diberikannya ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

Namun terdapat hal yang tidak kurang penting dan tinggi nilainya dalam kehidupan manusia iaitu adab. Para ulama telah lama berpesan akan peri pentingnya adab dalam kehidupan seorang muslim. Contohnya Imam Malik RH pernah berkata kepada seorang pemuda Quraisy:

“Pelajarilah adab sebelum mempelajari ilmu”

Amir al-Sya'biy berkata:

“Indahnya ilmu adalah sikap santun (adab) pemiliknya”

Abu Zakariya al-Anbaryi RH pernah berkata:

“Ilmu tanpa adab seperti api tanpa kayu bakar dan adab tanpa ilmu seperti jasad tanpa ruh.”

Sehubungan itu, sebagai muslim yang kasihkan Allah dan Rasul-Nya, maka adun dan hayatilah kedua-duanya dengan baik agar menajihkan keperibadian muslim sejati dan mampu menjadi pendekatan dakwah yang ampuh.

Berbahagiaalah mereka yang dikurniakan ilmu yang tinggi dan bermanfaat serta berakhlak dengan adab yang mulia. Ilmu dan adab itu sebenarnya tidak boleh dipisahkan dan ia hendaklah saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Semakin tinggi ilmu seseorang itu, maka semakin tinggilah adab dan akhlnya kepada orang lain. Bukan setakat itu sahaja, semakin tinggi adab dan akhlnya pula, maka semakin tinggilah darjatnya pada hari akhirat nanti berbanding mereka yang hanya memiliki ilmu agama tetapi buruk adabnya.

Isi Kandungan

Sajak : Ilmu dan Adab	2
Ilmu vs Adab	5
Parents' Blessings: A Key to Success	9
Adab dan Ilmu Dalam Menggunakan Media Sosial	13
Tingginya Darjat Orang Berilmu	17
Mulut Je Celupar, Hati Baik Tau	20
Tanya: Apakah Hukum Kita Menggunakan Kata-kata yang Kasar atau Kesat dalam Menyampaikan Dakwah?	24
Imam Al-Shafi'i	28
Bawalah Luka	30
Mahasiswa Bestari Berakhlak Murni	32
Bersegeralah Beramal Soleh	35

ILMU vs ADAB

Oleh: Mohd Sulaiman bin Nuba

PENDAHULUAN

Menuntut ilmu merupakan kewajiban dan tanggungjawab seorang yang bergelar insan. Apatah lagi sebagai seorang Muslim, menuntut ilmu agama terutamanya berkenaan Fardhu Ain merupakan tuntutan agama. Allah SWT telah mengangkat kedudukan orang yang berilmu dengan kedudukan yang sangat istimewa. Bahkan Rasulullah SAW juga sangat memuliakan para penuntut ilmu sehingga mereka yang berada di atas jalan menuntut ilmu dijanjikan oleh baginda jalan yang mudah untuk memasuki syurga Allah SWT.

PERUBAHAN SUASANA DUNIA DALAM MENUNTUT ILMU

Ujian dan ancaman pandemik Covid-19 menyebabkan suasana pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh

dunia telah berubah. Daripada secara bersemuka telah berubah kepada pembelajaran secara atas talian. Setiap penuntut ilmu hendaklah menerima perubahan ini dan jangan berputus asa untuk terus berusaha bersungguh-sungguh menuntut ilmu. Anggaplah keadaan yang berlaku ini merupakan antara ujian yang Allah SWT berikan untuk mengangkat penuntut ilmu ke kedudukan lebih tinggi lagi kepada Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah



RA:

اٰخِرُضْ عَلٰى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِزْ بِاللّٰهِ وَلَا تَعْجِزْ

Maksudnya : *“Bersemangatlah dalam perkara yang bermanfaat untuk kamu dan mohonlah pertolongan daripada Allah SWT dan janganlah sesekali kamu rasa malas (patah semangat).”*

Imam Al-Nawawi tatkala menjelaskan hadis di atas berkata, “Iaitu janganlah sesekali merasa malas dalam melakukan ketaatan dan jangan merasa lemah dalam mencari pertolongan daripada Allah SWT.”

KESUNGGUHAN PARA ULAMA SILAM MENUNTUT ILMU



Apabila kita menyelusuri kesungguhan para ulama silam dalam menuntut ilmu, kita akan menemui kisah-kisah yang sangat menakjubkan berkenaan kehebatan dan keazaman yang sangat kuat dimiliki oleh generasi yang terbaik ini. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud dalam kitab sunan beliau, daripada Katsir bin Qais, dia berkata: Aku pernah duduk bersama Abu Darda' RA di Masjid Dimashq, lalu datang seorang pemuda yang lantas berkata, “Wahai Abu Darda, sesungguhnya aku datang daripada bandar Rasulullah SAW iaitu Madinah al-Munawwarah untuk bertemu dengan engkau kerana telah sampai kepada aku satu hadis yang engkau riwayatkan daripada Rasulullah SAW. Maka tujuan aku datang adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada maksud hadis tersebut.”

Perhatikan, wahai para penuntut ilmu sekalian, demi mendengar penjelasan berkenaan sebuah hadis, pemuda ini sanggup datang dari Madinah ke Dimashq, bumi Syam. Pastinya jarak perjalanan yang sangat jauh dan sangat sukar ketika itu. Abu Darda' RA lantas berkata, “Sesungguhnya aku pernah mendengar bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَظْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا
مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ

Maksudnya : “Sesiapa berjalan di satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan mudahkan baginya jalan menuju syurga.”

Ini merupakan antara contoh terbaik yang telah ditunjukkan oleh generasi terdahulu kepada kita semua, semoga kita sebagai penuntut ilmu akan lebih berusaha bersungguh-sungguh dengan menjadikan generasi yang dikenali sebagai generasi *Salaf al-Saleh* sebagai suri teladan kita untuk terus menuntut ilmu.

MEMILIKI ILMU NAMUN MENINGGALKAN ADAB DAN AKHLAK

Para ulama terdahulu sangat mengambil perhatian berkenaan permasalahan adab dan akhlak. Mereka juga senantiasa mendidik murid-murid mereka untuk mempelajari adab dan akhlak terlebih dahulu sebelum mendalami sesuatu bidang dalam ilmu pengetahuan. Imam Malik bin Anas RH yang merupakan pengasas Mazhab Maliki yang dikenali sebagai al-Imam Dar Al-Hijrah pernah berkata kepada seorang pemuda berbangsa Quraisy:

تعلم الأدب قبل أن تتعلم العلم

Maksudnya: “Pelajarilah adab sebelum mempelajari suatu ilmu.”

Yusuf bin Al-Husain RH pernah berkata:

بالأدب تفهم العلم

Maksudnya: “Dengan mempelajari adab, maka engkau jadi mudah memahami ilmu.”

Dalam kitab *Siyar ‘Alamin Nubala’* karangan al-Imam al-Zahabi dinyatakan bahawa Abdullah bin Wahab pernah berkata:

ما نقلنا من أدب مالك أكثر مما تعلمنا من علمه

Maksudnya : “Yang kami nukilkan dari (al-Imam) Malik lebih banyak dalam perkara berkenaan adab berbanding ilmu yang beliau hendak sampaikan.”

Diriwayatkan dalam sebuah hadis daripada sahabat Nabi SAW, Ali bin Abi Talib RA berkenaan doa Nabi SAW berkaitan akhlak yang mulia:

اللَّهُمَّ اهْدِنِي لِأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ لَا يَهْدِي لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا لَا يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ

Maksudnya: “Ya Allah, berikan hidayah kepadaku berupa akhlak yang baik, tidak ada yang dapat menunjukinya kecuali Engkau. Dan jauhkanlah daripadaku akhlak yang buruk, tidak ada yang dapat menjauhkannya melainkan Engkau”



Berdasarkan hadis dan nasihat ulama terdahulu, jelaslah bahawa adab dan akhlak yang mulia merupakan antara perkara terpenting dalam diri seorang penuntut ilmu, apatah lagi penuntut ilmu agama. Kaitan dengan zaman kini yang penuh dengan perubahan dan cabaran, setiap tenaga pengajar ataupun guru yang menyampaikan ilmu perlu sentiasa mengingatkan penuntut ilmu supaya menjaga adab dan akhlak semasa proses pembelajaran walaupun diadakan secara atas talian. Tidak dinafikan sangat sukar bagi tenaga pengajar untuk melakukan pemantauan dan perhatian dalam keadaan kaedah pembelajaran atas talian.

Semasa sesi pembelajaran sedang berlangsung, sebaiknya para pelajar hendaklah membuka kamera dan memberikan perhatian sepenuhnya pada apa yang disampaikan oleh guru ataupun tenaga pengajar. Janganlah melakukan perkara-perkara yang lain seperti membuka laman web, menutup kamera untuk tidur, makan dan sebagainya. Jika ingin pergi seketika untuk hajat tertentu, mohonlah keizinan daripada guru

dengan meninggalkan mesej pada ruangan komen ataupun secara langsung. Yakinlah bahawa dengan berusaha untuk menjaga adab dan akhlak yang mulia ini, Allah SWT pasti akan memberikan keberkatan dan kebaikan kepada kita dalam proses menuntut ilmu.

KESIMPULAN

Demikianlah antara nasihat dan panduan kepada para penuntut ilmu masa kini. Marilah bersama-sama kita berusaha untuk terus bersemangat menjadi penuntut ilmu yang mempunyai adab dan akhlak yang mulia. Jadikanlah generasi terdahulu yang telah mendahului kita dengan banyak kebaikan sebagai contoh teladan terbaik dalam menghadapi apa jua keadaan dan cabaran dalam kehidupan kita. Semoga akhirnya sepertimana mereka telah beroleh kejayaan di dunia dan akhirat, mudah-mudahan kita semua yang berusaha untuk mencontohi mereka juga mendapat dan memperoleh kejayaan yang sama.



Parents' Blessings: A Key to Success

By: Hazila binti Kadir @ Shahar

I lost my lovely mum when I was 24 years old and at the age of 34, I lost my heroic father. It was a painful experience and since those moments, I found myself feeling alone in darkness. It was so different when you still have parents as you have someone to turn to. Since then, I realised that I actually need them in my life and without their blessings, I will not be what I am today. Parents' blessings will be the key for everyone to lead a blissful and smooth sailing life.

It is undeniable that parents are the most precious people in our lives. They are chosen by Allah SWT, thus no one can deny their existence in our life. You are blessed to have lovely parents, however some are unlucky to have worst parents. Depending on which parents that you have, they can either give you peace but on the other hand, they can sometimes give you sorrow. Despite the types of parents that we have, it is our responsibility to show them our unconditional love and appreciation.

From a mother, we get a tender love, while we get protection and receive all necessities from a father. Mothers are always the caregivers whereas fathers are the providers. Both play very crucial roles since we were first born. They are the one who give us shelters, food and choose the best education for our future. At certain age when we become more independent, they are the one whom we seek for advice and guidance.

Reaching the maturity ages of teenagers, it is sad to see that some children nowadays show less respects to parents. Children pay less attention to parents where at this stage, friends become more important. Less time spent with parents and some become rebellious especially when parents disapprove of the actions of the children. It is now easy to hear children curse on parents if they do not get what they want. Sometimes even when mothers are giving advice, sadly they show ignorance. At this moment, they start blaming parents for not understanding their desires or needs in life as they claimed that they are too young to enjoy life. Children are now care less of their parents' sensitivity thus hurting their feelings.

In Islam, one child should not even say any bad word to their parents as this is clearly highlighted in the Quran (Surah Isra (23-24); *Your Lord has commanded that you should worship no one except Him, that you should be kind and promising toward your parents. If one of them or both of them reach an old age, then do not avoid them and do not say "uff" to them. Speak to them with a noble language. Lower the wing of humbleness out of compassion for them. Say: Our Lord! Have mercy upon them the way they showed mercy to me when I was small*". This shows how children should show as many acts of kindness towards their parents but unfortunately most children nowadays fail to do so.

We should have taken the lesson of what happened in the past. It was about a guy named Wail Bin Khattab



who had a prolong suffering due to his acts of neglecting his mother and making his wife as priority. As his mother was totally depressed as he believed his wife more than her thus making him cursing on her, Wail failed to utter *Syahadah* during his deathbed up until his mother forgave him. There were many more similar stories related to this act of disobedience. We can refer to those stories in order to clearly understand how powerful blessings from mothers are.

As parents, obviously they want the best for their children, thus they thought that they can shape the children according to their preferences. Some parents are then left hurtful of children' behaviours, manners and actions.

As time goes by, the children become more matured and at this stage, they actually need more advice and guidance as they are now trying to lead their own direction of life. Some good children will listen to parents but

some may not . The good one would accept the choice of career, marital choice etc decided by parents and some may choose their own ways . No matter how you hate things that your parents have decided for you, yet sometimes it is actually for you to realise the benefits of it in the future.

Why is that so important to get blessings from parents? As we know, blessing is defined as positive wishes uttered non verbally or verbally by someone to show how they pleased of someone. The approval and best wishes from someone we love such as parents are really important as it is also one way of seeking God's protection. Once you are blessed, you will definitely find peace in your hearts and all of your actions will be positive. There are some situations that we really need to ask parents' blessings. Once we finished our primary and secondary schools, we need our parents' concern of which path that we need to take before pursuing our tertiary education, which courses that we should take and which jobs that we should pick. At this stage, advice and guidance from parents are important so that we can make wise decisions. Some parents are able to predict what will be happening to their children in the future. These may be based on their own judgement and experiences. Some may predict what jobs might be suitable for the children to secure their lives.

When making decision in finding spouses, again parents play a vital role. Once you introduce a potential life partner to be with, parents would do their parts in investigating their

backgrounds and also give some comments on the relationships. At times, along the marriage lives, obviously they will be giving constant supports and advice based on their observation of their children' marital journey. As children, even at sometimes you would not agree with your parents, you can take the advice given but the decisions made later must match and suits your marriage lives.

We as children should find ways on how to please our parents. What can we do to make our parents happy with us? There are a few ways that we can do . Firstly, show our respect to them. The concepts of respect for the elders is actually introduced at home. If parents are respected by children, it is no doubt that children will respect teachers and others in society. Respecting and obeying parents are the great blessing as children learn many other useful skills of life such as respect, patience and caring. Respects and obedience to parents show that we have been also taught other useful life skills such as patience, tolerance and caring. Islam encourages healthy,



loving and respectful relationships within families. When parents are getting older, parents can be incapable of many things, being so vulnerable and need tender care. Thus as children, in any circumstances of dealing with their incompetency, you still need to respect and show tolerance towards them with all your hearts.

Showing the best manners and behaviours are the actions that make parents feel blessed and happy. This is a 'must do' for each children. Parents thought that having well mannered children shows that they have trained their children perfectly. At all times, parents actually have taught us the best manners as practices at home, however other external factors may have changed the behaviours and manners. Hence, children who know how to behave well and obeying parents will definitely make parents be so grateful and at the same time children can live their lives happily and peacefully.

As long as they live, we need to entertain their needs and desires as much as we could. This is because as children we should make them happy and at the same time we might want to repay all their sacrifices since we were born. They had sacrificed time, money and many more. Once we grow older, it is the time that we could repay what they have done to us. Entertaining them by giving rewards and tokens such as treating them with special holidays, celebrating their special occasions or buying things that they may not have before may be some of the ways to show appreciations. You will miss all these moments once they are gone one



day. Make them happy along their life journey and you will notice that not only your lives will be happy, blessed with good children and getting the best sustenance. Last but not least, your lives will be surrounded with good people and most importantly you will be always be under God's protection, *Inshaallah*.

Once we forgot our crucial duties of our parents, take a close look at this verse in Surah Luqman (31:14), to remind us about the importance of parents as commanded by Allah S.W.T:

We enjoined upon man to be dutiful to his parents. His mother bore him in weakness upon weakness, and his weaning lasted two years. (We, therefore, enjoined upon him): "Give thanks to Me and to your parents. To Me is your ultimate return.

In short, love your parents as you love yourselves and remember all sacrifices they have endured. Get their blessings in order for you to get a blissful journey of life. After all, both blessings from Allah and parents are the key to successful lives in which no one can deny!

Adab Dan Ilmu Dalam Menggunakan Media Sosial

Oleh: Dr. Hj Mohamad Zaki Bin Hj Abdul Halim

Sedarkah anda bahawa medium komunikasi harian kita pada masa kini sebenarnya lebih banyak menggunakan aplikasi media sosial berbanding komunikasi interpersonal sesama manusia?

Budaya baharu ini menjadi semakin popular apabila perubahan gaya hidup secara terpaksa berlaku akibat krisis pandemik Covid-19 yang mula menyerang masyarakat dunia pada sekitar tahun 2020 yang lalu. Masyarakat berasa gusar kerana pelbagai aktiviti harian yang melibatkan pergerakan fizikal dan pergaulan sesama individu secara langsung tidak dapat dilakukan terutamanya sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Situasi ini sedikit sebanyak telah memberi kesan dan mewujudkan norma baru kepada seluruh dunia termasuklah Malaysia.

Walaupun begitu, sewaktu krisis ini sedang melanda, aktiviti masyarakat masih boleh ditingkatkan menerusi penajanaan aktiviti di dalam rumah dengan menggunakan perkakasan mudah alih dan juga kemudahan jalinan rangkaian tanpa wayar. Sebagai contoh, untuk pembelajaran dan pengajaran, bermesyuarat secara maya, aktiviti jual beli atas talian dan pelbagai lagi, setiap anggota masyarakat dapat menyertainya melalui platform media sosial menggunakan perkakasan mudah alih seperti telefon pintar, mahupun *tablet* ataupun komputer.

Ledakan pelbagai aplikasi media sosial pada zaman teknologi ini, di samping perubahan norma baharu yang memerlukan masyarakat berkomunikasi secara atas talian, ternyata telah banyak mengubah corak kehidupan khususnya cara kita berkomunikasi dengan orang

di sekeliling. Secara tidak langsung, sedarkah anda bahawa kita sebenarnya mempamerkan keperibadian kita kepada umum tanpa disedari hanya dengan menggunakan medium media sosial?

Contohnya, jika anda seorang pengguna media sosial yang gemar berkongsi berita yang tidak sah, anda akan digambarkan sebagai seorang yang suka bergosip dan mudah mempercayai sesuatu khabar angin. Sebaliknya, jika anda seorang yang gemar menulis sesuatu yang negatif pada *posting* anda, anda akan dilihat sebagai seorang yang negatif atau suka bercakap mengenai keburukan orang lain. Walaupun ada kalanya apa yang kita tonjolkan di media sosial sebenarnya bukanlah keperibadian kita yang sebenar, namun kita tidak boleh menyalahkan orang lain jika mereka mempunyai stigma yang salah mengenai diri kita kerana kita sendiri yang menonjolkan sifat-sifat tersebut.

Oleh yang demikian, kita hendaklah mempelajari dan memahami adab-adab ketika menggunakan laman media sosial bagi mengelakkan perkara sedemikian berlaku. Dalam hal ini, Islam telah menetapkan garis panduan yang jelas berkaitan tatacara berkomunikasi agar ia dapat memberi kebaikan kepada semua. Antara adab-adab yang perlu dijaga untuk menjadi seorang pengguna media sosial yang bertanggungjawab adalah:

a) Menyampaikan Perkara Yang Baik

Islam menganjurkan kita untuk saling berpesan-pesan kepada

kebaikan dan kebenaran kerana ia adalah amal soleh dan tanda kemuliaan umat Muhammad SAW. Secara tidak langsung, amalan kebaikan ini menawarkan ganjaran pahala kepada kita. Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda bermaksud:

“Sesiapa yang mengajak kepada kebaikan, maka dia akan mendapat pahala sebanyak mana pahala yang diperolehi oleh orang-orang yang mengikutnya.”

(Riwayat Muslim)

b) Pastikan Sahih Sebelum Disebarkan

Masalah utama yang sering berlaku di laman-laman media sosial ialah penyebaran maklumat palsu dan tidak sah secara berleluasa. Gejala ini dilakukan oleh sebahagian besar para pengguna tanpa sedikit pun rasa bersalah. Tidak takutkah kita





pada dosa yang perlu ditanggung akibat memfitnah seseorang atau menyebarkan sesuatu yang tidak sah?

Justeru, apabila terbaca sebarang maklumat di media sosial, selidikilah terlebih dahulu serta pastikan ia benar-benar sah sebelum menyebarkannya. Jika tidak pasti, janganlah menyebarkan maklumat tersebut dan biarkan sahaja ia berlalu di *newsfeed* anda.

c) Menjaga Aib

Pada hari ini, setiap orang seolah-olahnya berlumba-lumba untuk memperlihatkan kehidupan peribadi masing-masing di media sosial sehingga ada kalanya perkara yang dipertontonkan itu mampu mengaibkan diri sendiri atau orang lain. Lebih malang, terdapat netizen yang memuat naik video suami mereka yang sedang tidur tanpa memakai baju, isteri yang tidak menutup aurat dengan sempurna ataupun memuat naik gambar anak kecil yang sedang mandi berbogel. Sebagai seorang individu muslim yang beriman, jagalah aib dengan tidak mempertontonkan perkara-perkara tidak manis untuk dilihat oleh orang ramai yang boleh

menjadi dosa. Begitu juga dengan maruah anak-anak kecil yang masih belum dapat memahami apa-apa.

Selain itu, hentikanlah juga tabiat suka mengaibkan orang lain dengan menjaja cerita buruk mengenai seseorang di media sosial atau memuat naik gambar orang lain yang pada ketika itu berada dalam keadaan yang kurang sopan. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah Bin Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang menutupi (aib) seseorang muslim, maka Allah akan menutup aibnya pada hari kiamat.”
(Riwayat al- Bukhari)

d) Menjaga Batas-Batas Pergaulan

Selain menjadi platform menyebarkan maklumat, media sosial juga merupakan sebuah medan untuk menghubungkan silaturahim, berkenal-kenalan dengan rakan baharu atau mencari semula rakan-rakan lama yang terpisah.

Ada kalanya kita terbaca perbualan komen antara netizen lelaki dan perempuan yang dilihat agak melampaui batas di media-media sosial. Sebagai suatu platform yang boleh diakses oleh sesiapa



sahaja, batas-batas pergaulan dan *ikhtilat* antara jantina berbeza perlulah dipelihara bagi mengelak berlakunya fitnah, terutamanya bagi yang sudah berumahtangga. Jangan terlalu mesra atau bergurau menggunakan perkataan-perkataan yang intim atau melampaui batas kerana ia mampu menjadi penyebab kepada pergolakan rumahtangga.

e) Jangan Berkata Yang Buruk Mengenai Orang Lain

Jangan sesekali menjadi seorang yang negatif dengan sering menulis perkara-perkara buruk mengenai orang lain. Setiap orang mempunyai kelemahan masing-masing, malah diri kita sendiri pun mempunyai banyak kelemahan. Jadi, siapalah kita untuk memperkatakan perkara buruk mengenai orang lain jika diri kita sendiri pun setiap hari melakukan dosa?

Janganlah terlalu ghairah menjaja keburukan orang lain di media sosial dan memburuk-burukkan orang lain seolah-olah hanya kita sahaja manusia yang baik, betul dan sempurna di dunia ini tanpa sebarang cacat cela.

f) Sentiasa Bersikap Positif

Jadilah seorang pengguna media sosial yang sering bersikap positif dengan berkongsi maklumat-

maklumat positif, ilmu-ilmu yang berguna, nasihat agama, kata-kata motivasi atau meninggalkan komen yang positif kepada rakan-rakan lain. Cuba anda renungi diri sendiri. Adakah anda berasa selesa melihat *posting* rakan-rakan yang sentiasa positif? Adakah anda berasa rimas atau tidak suka membaca *posting* rakan-rakan yang sering menulis perkara-perkara yang negatif?

Orang yang sentiasa bersikap negatif akan dipandang serong dan jangan terkejut jika ada rakan-rakan anda yang bertindak untuk '*block*' atau '*hide*' *posting* anda kerana tidak mahu terpengaruh dengan sikap negatif anda itu. Sebaliknya, jika anda sentiasa bersikap positif dan berkongsi perkara-perkara yang mampu memberi kegembiraan atau motivasi kepada orang lain, pasti rakan-rakan anda akan berasa senang dengan anda.

Jadi, pilihan di tangan anda. Sama ada ingin menjadi seorang netizen yang bertanggungjawab, disenangi rakan-rakan dan mendapat pahala sambil melayari media sosial, atau untuk menjadi seorang yang dibenci, tidak bertanggungjawab dan menanggung pelbagai dosa 'kering' dengan hanya melalui ketikan di papan kekunci telefon bimbit atau komputer anda?

Anda pilihlah sendiri. Setiap pilihan ada akibatnya, baik atau buruk? Oleh itu beringatlah bahawa setiap sesuatu tindakan itu akan dipersoalkan dan ditentukan akibat kesudahannya di akhirat nanti.

TINGGINYA DARJAT ORANG BERILMU

Oleh: Ameer Azezy Tuan Abdullah

Ketika penulis berpeluang menadah kitab Ihya' Ulumiddin bersama-sama dengan guru kami, Profesor Dr. Wan Suhaimi Wan Abdullah di Surau Haji Awang Alim, Atas Banggol Kelantan beberapa tahun dahulu, teringat pesanannya bahawa kedudukan ilmu sangat berbeza berbanding maklumat. Kerana itu sepatutnya apabila semakin banyak kita belajar, maka ia pasti menghasilkan makna. Maksudnya memahami makrifatullah yang memaknai kehidupan seseorang muslim apabila mengenali Allah SWT dan sentiasa berusaha mendekatkan diri kepada Allah¹. Sayang sekali jika seorang yang sedang belajar tetapi dia tidak mengetahui asasnya dengan jelas. Malah seseorang boleh dianggap biadab dalam konteks menuntut ilmu sekiranya dia hanya selalu ingin cepat memahami sesuatu ilmu tanpa

mengambil kira kepentingannya dalam aspek praktikal harian. Cuba kita fahami firman Allah SWT di dalam Surah al-Mujadilah, ayat ke 11 ini:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا
الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Ertinya: “Allah meninggikan darjat orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah Maha Mengetahui tentang apa yang kamu kerjakan.”

Ibn Mas'ud RA mengatakan bahawa Allah SWT memuji para ulama di dalam ayat ini dan mengangkat darjat orang beriman yang diberikan ilmu berbanding orang beriman yang tidak diberikan ilmu. Hakikatnya,

1 Ghazali, Abu Hamid Muhammad al- (2003), Ihya' Ulum al-Din, Jil. 1. Kaherah: Maktabah al-Safa, h.22.



ada perbezaan besar antara orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui. Sebagai contoh mudah, hukum seseorang yang tidak berwuduk tetapi menunaikan solat sebagai imam dengan alunan suara lunak merdu sangat berbeza dengan hukum seorang rakannya yang memahami fiqh al-ibadat dan telah berwuduk sempurna tetapi menunaikan solat sebagai makmum di saf belakang imam tadi.

Kejayaan di dunia memerlukan penguasaan ilmu, lebih-lebih lagi kejayaan di akhirat sangat memerlukan ilmu berserta amal soleh. Kepentingan menguasai ilmu oleh umat Islam menjadi signifikan apabila mereka mula mencapai usia baligh atau mukalaf kerana ketika itu setiap amalan yang dilakukannya (baik atau buruk) akan dipertanggungjawabkan dengan dosa dan pahala yang dikreditkan ke dalam akaun peribadi (kitab masing-masing) dan direkodkan dengan rapi tanpa kecacatan oleh malaikat-Nya.

Orang berilmu dipandang tinggi di sisi masyarakat. Masyarakat kita melihat seseorang yang berilmu sebagai insan yang mampu memberi manfaat kepada orang lain. Para ulama (ilmuan agama) diiktiraf sebagai pewaris Nabi

SAW. Ingatlah, para anbiya' tidak mewariskan dinar atau dirham, tetapi mereka hanya mewariskan ilmu. Sesiapa yang berjaya memperoleh ilmu dalam kehidupannya, maka dia akan selamat di dunia dan akan selamat pula di akhirat dengan izin Allah.

Oleh sebab itu, Islam amat menggalakkan umatnya menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh agar mampu mengeluarkan diri masing-masing daripada kejahilan kepada berilmu. Bahkan terdapat beberapa kelebihan menuntut ilmu sebagaimana mafhum salah satu hadis bahawa Nabi SAW bersabda,:

***“Sesiapa yang
menempuh jalan
untuk menuntut ilmu,
maka Allah SWT
akan memudahkan
baginya jalan untuk ke
Syurga.”***

(Hadis riwayat Muslim).

Subhanallah, hebatnya! Sudahlah Allah SWT mengangkat darjat orang-orang yang diberikan ilmu, Rasulullah SAW pula menjanjikan bahawa Allah mempermudah jalan ke syurga buat para penuntut ilmu. Namun, Imam al-Ghazali memberi peringatan kepada kita bahawa hanya orang yang ikhlas sahaja mampu memperoleh darjat ketinggian sebagai penuntut ilmu.



Jadi, kenapa kita mencari ilmu dan ingin menjadi penuntut ilmu? Sebab utamanya adalah untuk melepaskan diri daripada kejahilan selain ingin memastikan setiap amal ibadah dan iktikad kita adalah benar dan menepati kehendak Allah SWT dan Rasulullah SAW berdasarkan syariat Islam. Apabila kita menguasai ilmu asas fardu ain berkaitan akidah, ibadah dan akhlak maka sekurang-kurangnya kita telah memastikan diri terselamat daripada fitnah besar dunia akhir zaman.

Pembinaan tamadun dan peradaban moden bergantung kepada akhlak dan ilmu umat Islam pada hari ini sebagaimana yang ditunjukkan oleh umat Islam yang terdahulu. Untuk mengelakkan musibah kejahilan, umat Islam pada hari ini hendaklah mempersiapkan diri dengan pelbagai bentuk ilmu dan kebijaksanaan. Hormatilah mereka yang dikurniakan ilmu dan ditinggikan darjatnya oleh Allah SWT.

Sebagai akhirnya, marilah kita sentiasa perbetulkan niat khususnya dalam menuntut ilmu dan berdoalah kepada Allah SWT agar dikurniakan ilmu-ilmu yang bermanfaat dan mampu memberikan kita kefahaman agama Islam serta mampu pula disampaikan kepada orang lain. Imam al-Syafi'ie pernah berkata, "Ilmu itu cahaya dan cahaya Allah tidak akan sampai kepada ahli-ahli maksiat."



MULUT JE CELUPAR, HATI BAIK TAU

Oleh: Dr. Muhammad Yamin Ismail

Entah dari mana muncul persepsi ‘mulut celupar, hati baik’. Dalam dunia, tidak wujud orang yang mulutnya jahat, tetapi hatinya baik. Apa yang diucapkannya itu lahir daripada hatinya sendiri. Apa yang difikirkan, itulah yang diungkapkan. Perlakuan zahir adalah cerminan apa yang ada dalam batin.

Tidak logik jika ada yang menganggap orang yang mulutnya suka mencaci, maki hamun, celupar, suka menyindir, mengumpat dan mengungkit sebagai orang yang baik dan akhlaknya mulia. Ini kerana salah satu ciri orang yang akhlaknya baik itu mestilah percakapannya juga baik. Ketakwaan seseorang terbina apabila ilmu akidahnya mantap dan betul, ibadahnya terpelihara, diikuti dengan akhlak mulia yang diukur daripada cara kita berinteraksi dengan Allah SWT serta sesama manusia.

Salah satu cara berinteraksi dengan manusia adalah memelihara mulut atau lisan. Hakikatnya, mulut boleh menjadi punca kita ke neraka jika tidak berhati-hati. Wasiat Imam Ghazali bahawa lapan dosa berpunca daripada mulut iaitu mungkir janji, dusta, mengumpat, menghina, melaknat, memuji diri sendiri, banyak berbicara atau bertengkar dan mendoakan yang buruk sesama makhluk. Menurut beliau, bertengkar mulut dengan orang bodoh akan menimbulkan musuh yang sentiasa menyakitkan hati sementara bertengkar dengan orang arif tidak ada manfaat selain menyakitkan hati sendiri.

Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud, “Janganlah kamu berbicara dengan ucapan yang buruk, janganlah kamu sindir menyindir, janganlah kamu memperdengarkan khabar orang lain dan janganlah sebahagian kamu

menjual atas jualan sebahagian yang lain. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara.”

Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan sebuah hadis baginda di mana seorang sahabat datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, “Ada seorang wanita terkenal dengan banyak melakukan solat, berpuasa dan bersedekah, tetapi dia sering menyakiti jirannya dengan lidah.” Rasulullah menjawab (dengan ringkas), “Dia ahli neraka.” Lihatlah, wanita tersebut seorang ahli ibadat yang rajin. Namun disebabkan beliau sering menyakiti tetangganya dengan lidah, maka destinasi beliau ialah neraka. Jelaslah di sini bahawa soal mulut jahat bukanlah perkara kecil kerana ia boleh membawa kita terjerumus ke neraka. Adakah kita masih menganggap ia sebagai dosa ringan?

Lidah ini sangat sensitif, ia boleh membawa kita ke syurga, dan ia boleh juga membawa kita ke neraka. Jika tidak ada perkara bermanfaat yang hendak dipercakapkan, diam adalah lebih baik. Sekiranya lidah itu ingin mengeluarkan kata-kata yang menyakiti hati orang lain memecahbelahkan masyarakat, yang boleh membawa fitnah dan kerosakan, maka tahanlah lidah itu. Dalam hadis riwayat Ahmad, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Tidak lurus iman seseorang hamba itu sehingga hatinya lurus dan hatinya tidak akan lurus sehingga lurus lidahnya.”

Fudhail bin Iyad pernah berkata: Ada dua perkara yang mengeraskan hati. Yang pertama, banyak bercakap (yang sia-sia). Ciri-ciri orang yang hatinya keras adalah malas beribadah dan tidak menyesal kalau berbuat dosa. Perkara kedua yang mengeraskan hati, adalah banyak makan.

Lima Cara Untuk Mengawal Percakapan

Pertama, Nabi SAW menyuruh diam. Seorang sahabat Abu Syuraih al-Khuza’iy RA menyatakan bahawa Nabi SAW pernah berpesan yang bermaksud:

“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah dia bercakap hanya perkara yang baik atau diam.”

Diam itu juga ibadah jika ia dapat mengelakkan daripada berkata perkara yang sia-sia dan menyakiti orang yang mendengar.





Kedua, Nabi SAW menyuruh kita berzikir bagi mengimbangi aktiviti lidah. Kebanyakan daripada kita menggunakan lidah untuk kemudahan dan kepentingan diri dan terlupa memuji pencipta lidah pada setiap hari. Kata-kata yang dihasilkan oleh lidah dalam memuji pencipta lidah lebih sedikit berbanding dengan kata-kata yang dihasilkan ketika berkomunikasi sesama kita. Menurut Ibnu Umar, Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Janganlah kamu banyak bercakap tanpa berzikir kepada Allah, kerana sesungguhnya

banyak bercakap tanpa berzikir kepada Allah mengakibatkan kerasnya hati, dan orang yang paling jauh dengan Allah adalah orang yang paling keras hati.”

Ketiga, Huzaifah bin Yaman RA pernah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang keburukan yang ada pada lisannya. Maka Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Bagaimanakah engkau dengan istighfarmu wahai Huzaifah? Sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah SWT seratus kali setiap hari.”

Istighfar bermaksud memohon keampunan kepada Allah sekurang-kurangnya dengan mengucapkan, “Astaghfirullahlazim” disertakan “perasaan menyesal” di dalam hati. Jika Nabi SAW yang maksum dan baik tutur kata itu pun beristighfar kepada Allah sebanyak itu, berapa pula agaknya jumlah istighfar orang yang mempunyai penyakit lisan?

Keempat, fikir masak-masak sebelum menghamburkan kata-kata. Jangan cepat membuat telahan dan tindakan. Tidak salah untuk melengahkan sesuatu respon itu demi satu tindakan yang tepat.

Kelima, berkawanlah dengan orang yang baik akhlnya. Jauhkan diri daripada orang yang suka cakap lepas. Mintalah nasihat kepada mereka yang baik percakapannya juga.

Kesimpulannya tidak ada istilah mulut jahat tapi hati baik. Apa yang keluar dari mulut, itulah cerminan apa yang ada dalam hati sama baik atau jahat. Buruk percakapan buruklah akhlak.

Soal mulut jahat bukanlah perkara



kecil kerana ia boleh membawa kita terjerumus ke neraka kelak. Jagalah hubungan dan hormat dengan semua makhluk Allah SWT. Sentiasa fikir apakah manfaat yang boleh kita beri kepada orang, bukan apakah manfaat yang boleh kita dapat daripada orang lain.

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW pernah ditanya berkaitan sebab kebanyakan orang dimasukkan ke dalam syurga. Baginda SAW menjawab; bermaksud: “Taqwa kepada Allah dan baik akhlnya.” Lalu baginda ditanya lagi berkaitan sebab kebanyakan manusia dimasukkan ke dalam neraka? Baginda menjawab: “Mulut dan kemaluan.”

Oleh itu, jagalah perkataan yang terbit dari mulut kerana itu punca perbalahan dan perpecahan seperti pepatah Melayu mengatakan, ‘Kerana mulut badan binasa’ dan ‘terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.’



Dr. Syed Shahridzan Syed Mohamed
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Tanya:
Apakah hukum kita menggunakan kata-kata yang kasar atau kesat dalam menyampaikan dakwah?

Jawab:

HUKUM PENGGUNAAN KATA-KATA KASAR DALAM DAKWAH

Tuntutan menyampaikan dakwah merupakan satu keperluan dalam hidup bermasyarakat. Keharmonian dapat dipupuk melalui sosialisasi kehidupan sesama manusia dengan sikap saling ingat mengingatkan tentang perkara kebaikan dan menjauhi keburukan. Oleh sebab itu Allah SWT menyifatkan golongan yang menegakkan slogan amar makruf dan nahi munkar sebagai sebaik-baik umat melalui firman-Nya yang bermaksud,

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).”

(Ali ‘Imran, 110)

Namun begitu dakwah perlu disampaikan dengan penuh hikmah bagi memastikan ia dapat memberi kesan yang efektif kepada sasaran.

Perkara ini ditekankan oleh Allah SWT di dalam surah al-Nahl, ayat 125 yang bermaksud,

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.”

Jika metod dakwah tidak disampaikan dengan cara berhikmah ia bakal mengakibatkan golongan sasaran dakwah semakin jauh dari agama. Bahkan ia akan memberi kesan negatif di mana ia akan mencalarkan reputasi dunia dakwah dan golongan yang berkecimpung di dalam lapangan ini.

Sheikh Ibn ‘Asyur di dalam karyanya, al-Tahrir wa al-Tanwir menyatakan bahawa Allah SWT mengutuskan Rasulullah SAW sebagai penyampai risalah Allah SWT dengan penuh rahmat dan lemah lembut sehinggakan lama kelamaan masyarakat Arab dapat menerima Islam dengan hati terbuka-buka. Sikap ini jelas dipuji oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud, *“Maka dengan sebab rahmat dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar*



lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.” (Alil ‘Imran: 159)

Saat mutakhir ini, terdapat segelintir pendakwah menggunakan kata-kata kasar di meja-meja ceramah dan yang lebih menyedihkan ia berlaku di dalam rumah-rumah Allah. Pastiya pendekatan sebegini kurang disenangi oleh golongan mad’u kerana ia tidak selari dengan adab dan tatasusila. Sedangkan setiap seorang muslim dituntut menjaga akhlak Islam yang mulia dan perkara ini ditekankan dalam sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Bertakwalah di mana sahaja kamu berada, ikutilah setiap perbuatan dosa itu dengan kebaikan yang menghapuskan dosa itu dan berakhlaklah dengan manusia dengan akhlak yang mulia.”

(Riwayat al-Tirmidzi)

Menurut Imam Ibn al-Mulaqqin³, hadis ini menjelaskan bahawa antara hak hamba Allah yang wajib ditunaikan oleh seseorang mukmin adalah bermuamalah dengan orang lain dengan akhlak yang mulia, seperti tidak melakukan perkara yang menyakiti hati dan fizikalnya. Oleh itu, setiap individu perlu berinteraksi dengan saudaranya sepertimana yang dia suka dirinya dilayan dengan akhlak terpuji. Berdasarkan kenyataan di atas, jelaslah bahawa stigma yang membawa kepada akhlak yang buruk adalah perkara yang diharamkan oleh syarak.

Jelaslah juga di sini bahawa penyampaian dakwah dengan kata-kata kasar merupakan perbuatan yang tidak wajar dilakukan kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam dan fitrah manusia. Bahkan ia boleh menjurus kepada dosa kerana menyakiti hati orang yang mendengar. Oleh yang demikian, sebagai orang yang beriman seorang pendakwah perlulah menjaga tingkah lakunya dan memastikan ia tidak tersasar daripada adab dan tatasusila. Ini kerana setiap perbuatan akan

dipertanggungjawabkan di akhirat kelak, termasuk kata-kata yang terlafaz dari mulut. Firman Allah SWT yang bermaksud, *“Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskannya).”* (Qaf: 18)

Selain itu, Rasulullah SAW memberi peringatan kepada umatnya agar tidak terjebak dengan kata-kata yang mengundang kemurkaan Allah SWT, sepertimana maksud hadis:

“Seseorang yang bercakap dengan kata-kata yang menyebabkan kemurkaan Allah tanpa dia memikirkan kesannya, maka dia akan dihumban ke dalam neraka.”

(Riwayat al-Bukhari)

Imam Ibn Battal menjelaskan bahawa hadis di atas menunjukkan bahawa seseorang perlu menjaga setiap kata-katanya dengan diam atau menahan mulutnya daripada kata-kata yang akan mengundang kemurkaan

Allah SWT. Justeru, seseorang yang menyakiti individu lain dengan kata-katanya yang tidak beradab akan menyebabkan tercatatnya dosa kerana ia perbuatan yang ditegah oleh syarak.

Setiap pendakwah perlu mencontohi akhlak Rasulullah SAW dalam segala aspek kehidupan. Aplikasi akhlak dalam penyampaian memberi impak positif dalam urusan dakwah. Tutur kata yang lemah lembut dan beradab memainkan peranan yang besar sebagai induksi penerimaan dakwah di sisi masyarakat. Bahkan setiap tindak tanduk dan gerak geri pendakwah sering dilihat dan dinilai oleh orang sekeliling, tambahan pula ada yang menganggapnya sebagai idola.

Oleh sebab itu, setiap insan yang bergelar mukmin perlu ada rasa malu dari melakukan perkara yang buruk dan juga tutur kata yang keji agar sikap dan percakapan buruk tidak memberi kesan kepada orang lain. Hal ini pernah disabdakan oleh Rasulullah SAW, bermaksud:

“Malu itu sebahagian daripada (kesempurnaan) iman dan iman itu tempatnya di syurga. Manakala kata-kata keji adalah kekasaran dan kekasaran itu tempatnya di neraka.”

(Riwayat al-Tirmidzi)





IMAM AL-SYAFI'I

TOKOH ILMUAN SEPANJANG ZAMAN

Nama sebenarnya ialah Abu Abdullah Muhammad bin Idris bin al-'Abbas bin Uthman bin Shafi' bin al-Sa'ib bin Ubaid bin Abd Yazid bin Hashim bin Abd al-Muttalib bin Abd Manaf bin Qusai al-Qurashi al-Muttalibi al-Shafi'i al-Hijazi al-Makki (al-Shirazi: 71; al-Nawawi, 1:44)

Salah seorang Imam Mazhab yang empat, mahir dalam pelbagai ilmu, antaranya Ilmu Fiqh, Usul, Hadis, Tafsir dan Bahasa. Tiada ulama yang mengingkari tentang keutamaan, kepimpinan dan ketokohnya sebagai seorang ilmuwan agung zamannya dan zaman-zaman berikutnya. Beliau terkenal dengan gelaran al-Shafi'i, yang dirujuk kepada nama salah seorang datuknya.

Menurut pendapat yang masyhur, beliau dilahirkan di Ghazzah, Palestin pada tahun 150H. Kemudian

berpindah bersama-sama ibunya ke Makkah pada tahun 152H ketika umurnya baru mencapai dua tahun pada tahun 164H. Beliau berpindah ke Madinah dan menetap di sana sehingga tahun 179H. Selepas itu, beliau berhijrah ke Yaman dan tinggal di negara itu sehingga tahun 184H. Kemudian beliau merantau pula ke kota Baghdad, tetapi beliau tidak lama di kota ini kerana pada tahun 186H, beliau kembali ke Makkah. Kota Baghdad yang merupakan pusat perkembangan ilmu telah memikat hati beliau. Hal ini telah menyebabkan beliau berangkat sekali lagi ke kota itu pada tahun 195H dan menetap di sana sehingga tahun 197H. Setahun selepas itu beliau berangkat semula ke kota Baghdad sebelum berpindah ke Mesir dan menetap di negara tersebut sehingga beliau wafat pada tahun 204H. (al-Aswanawi, 1:11- 12, Ibn Hidayatillah: 13; Prof. Madya Dr. Mat Saad 4 – 7).

Siri perpindahan al-Shafi'i bukanlah kerana mengejar kebendaan, tetapi kerana memantapkan ilmu di dada. Ketika beliau berada di kota Makkah, beliau telah berguru dengan mufti Makkah sendiri, iaitu Muslim bin Khalid al-Zanji dan beberapa tokoh yang lain seperti Sufyan bin Uyainah, Sa'id bin Salim al-Qaddah, Daud bin Abd al-Rahman al-Attar dan Abd Hamid bin Abd al-Aziz bin Abi Rauwwad (Prof. Madya Dr. Mat Saad, *Ensiklopedia Fuqaha'*, 1:5)

Ketika di Kota Madinah pula, beliau berguru dengan Imam Malik bin Anas, Ibrahim bin Sa'd al-Ansari, Abd al-Aziz bin Muhammad al-Darwuri, Ibrahim bin Yahya al-Asami, Muhammad bin Sa'id bin Abi Fadyak dan Abdullah bin Nafi' al-Sa'igh (al-Bultaji: 19).

Semasa di negara Yaman, beliau sempat berguru dengan beberapa tokoh fiqh dan fatwa negara itu. Antara mereka ialah Matraf bin Mazin, Hisham bin Yusuf, Amru bin Salamah dan Yahya bin Hassan (al-Bultaji: 19, 27, 28).

Di kota Baghdad pula, beliau sempat bertemu dengan Muhammad bin al-Hdasan al-Shaibani dan berguru dengan beliau, dan juga dengan beberapa tokoh lain seperti Waki' bin al-Jarrah Abu Uasmah Hammad, Isma'il bin Illiyah dan Abd al-Wahhab bin Abd al-Majid (al-Bultaji: 19).

Selain daripada para guru dari pelbagai aliran dan mazhab, didapati Imam al-Shafi'i juga mempunyai ramai muridnya yang berkaliber di merata tempat. Hal ini disebabkan

beliau telah menyebarkan ilmunya di Masjid al-Haram di kota Makkah, di Masjid al-Nabawi di kota Madinah, di Masjid Amru bin al-As di Mesir dan di beberapa buah masjid yang lain di negara Iraq. Antara mereka ialah Ahmad bin Khaid al-Khalal, Imam Ahmad bin Hambal, Ahmad bin Muhammad al-Sairafi, Muhammad bin Abdullah bin Abd al-Hakam, Abu Thaur Ibrahim bin Khalid, Ishaq bin Rahuwaih, Isma'il bin Yahya al-Muzami al-Misri, al-Hasan bin Muhammad bin al-Sabah al-Za'farani, al-Husain bin Ali bin Yazid al-Karabisi, Harmalah bin Yahya bin Abdullah al-Tajibi, al-Rabi' bin Sulaiman bin Daud al-Jizi, al-Rabi' bin Sulaiman al-Juzi, Abu Bakr al-Humaidi, Yusuf bin Yahya al-Buwaiti dan Yunus bin Abd al-A'la. Kesemua mereka adalah tokoh-tokoh mazhab sesudah beliau wafat. (al-Maraghi, 1:139).



Bawalah Luka

BAB 1

Hamdan baru putus tunang. Dia kini hanya termenung memikirkan apa kesilapan yang sudah dia lakukan sehingga Aufa Wafa sanggup berkata, “Maaf, saya tak mampu lagi teruskan hidup begini. Kita putus. Nanti ayah saya akan pulangkan balik cincin pertunangan kita.”

Waktu itu luluh hati Hamdan. Mahu Hamdan memujuk, tetapi Aufa Wafa terus mematikan perbualan telefon. Hamdan cuba menelefon lagi, tetapi tidak diangkat-angkat. Hamdan tidak puas hati, dia pergi pula ke rumah Aufa Wafa tetapi Aufa Wafa tidak mahu keluar berjumpa dengannya. Hanya ayah Aufa Wafa, Encik Zamri Ismail yang melayani Hamdan dan berkata, “Nak, jodoh ni rahsia Allah. Sama seperti rezeki dan mati. Kita tidak tahu rezeki kita di mana dan kita tidak tahu bila dan bagaimana kita akan mati. Begitu juga jodoh. Kita tidak tahu siapa jodoh kita dengan pasti. Walaupun sudah bertunang sekalipun ia tetap akan menjadi rahsia. Sekiranya Hamdan yakin bahawa jodoh itu rahsia Allah, harap Hamdan boleh menerima keputusan Aufa. Jangan simpan

dendam dan jangan terlalu sedih. Hamdan perlu teruskan hidup. Saya sendiri tidak boleh nak pujuk Aufa.”

Mendengarkan penjelasan Encik Zamri Ismail, Hamdan sudah tidak ada apa-apa lagi mahu diperkatakan. Dia hanya bersalaman dan berpelukan dengan Haji Zamri Ismail dengan air mata yang mencurah dan berkata, “Maafkan saya pak cik. Sekiranya saya ada berbuat salah, maafkan saya dan halalkan semua makan minum saya.”

Hamdan pun keluar dari rumah dengan wajah tertunduk, dan menunggang motosikal dalam hujan tanpa merasa sedikit pun sejuk. Air matanya terus mengalir bersama-sama dengan hujan. Hatinya benar-benar remuk dan apabila sampai di rumah, Hamdan hanya mampu termenung.

Kini sudah seminggu Hamdan termenung di dalam biliknya, memikirkan perkara itu. Dia mengaduk-aduk rambutnya yang lurus lepas, yang panjang setakat bahu. Dia duduk di kerusi dan memandang ke luar tingkap. Di situ terlihat *book truck* miliknya. Sebuah lori *bonded*

yang biasanya diubahsuai untuk menjadi *food truck*. Tetapi Hamdan menawarkannya menjadi *book truck*, untuk menjual buku.

Untuk urusan itu, Hamdan menghabiskan duit simpanannya dan juga dia sanggup meminjam daripada ayahnya. Lebih kurang RM80 ribu habis bagi merenovasi *food truck* menjadi *book truck*, berserta dengan stok buku-buku jualan.

Sebelum ini Hamdan bekerja sebagai editor buku di sebuah syarikat penerbitan buku, Buku Bulan Sdn. Bhd. Semasa menjadi editor buku, beliau mendapat gaji yang lumayan dan ketika itu jugalah dia bertemu dengan Afa Wafa yang juga bekerja di syarikat yang sama, juga sebagai editor.

Selepas berkenalan selama lima bulan, Hamdan nekad meminang Afa Wafa, dan mereka memutuskan pernikahan akan dilangsungkan setahun kemudian. Mereka perlu mengumpulkan wang dahulu.

Ketika itu, Hamdan punyai cita-cita besar. Dia mahu punyai syarikat sendiri yang akan membuatkan Afa Wafa bahagia. Dia juga mahu mengumpulkan wang bagi pernikahan dengan segera. Daripada keinginan itulah lahirnya *book truck* yang Hamdan namakan Buku Bergerak Bersama. Suatu nama yang dia sendiri tidak berkenan tetapi dia sudah tidak ada idea waktu itu.

Pada mulanya Hamdan bergerak sendiri, pergi ke sekolah-sekolah di sekitar Negeri Sembilan, Selangor

dan Kuala Lumpur, menjual buku kepada pelajar. Adakalanya para cikgu meminta Hamdan membuat program dan aktiviti untuk pelajar. Sebagai bayaran Hamdan dibenarkan berniaga di sekolah.

Hamdan menggunakan kepakarannya, membuat bengkel penulisan dan adakalanya membuat bengkel origami. Hamdan memang seorang yang pandai membuat origami. Itu semua bermula apabila dia cuba memikat Afa Wafa. Setiap hari, Hamdan membuat origami yang berbeza, lalu diletakkan di atas meja Afa Wafa. Semakin hari, Hamdan semakin pandai membuat berpuluh-puluh jenis origami. Ternyata cinta memang luar biasa. Mampu membuatkan manusia belajar sesuatu yang selama ini mereka tidak akan pernah fikirkan.

Pada awalnya, Buku Bergerak Bersama atau 3B, memperoleh keuntungan yang lumayan. Hamdan kemudiannya mula mengambil pekerja. Sebelum ini, beliauah yang menjadi pemandu, menjadi jurujual, dan penceramah program, dan itu semua sangat melelahkannya.

Dengan adanya pembantu, dia mulai semakin tenang dan dapat merangka perjalanan dan masa hadapan 3B. Perancangan Hamdan sudah jauh ke hadapan. Dia sudah dapat melihat di mana dia akan berada lima tahun kemudian. Dia juga sudah bercita-cita menambah dua lagi *book truck* untuk kegunaannya nanti.

Namun semua itu berubah lima bulan kemudian.

Mahasiswa Bestari Berakhlak Murni

Nurul Husna binti Saiful Baharin

Salah seorang tokoh ilmuwan dan sasterawan yang terkemuka, Za'ba telah berulang kali menyebut menerusi syair karangannya berkenaan kelebihan seseorang yang berilmu pengetahuan. Menerusi syair tersebut, beliau menegaskan bahawa ilmu penyuluh hidup selain bertindak sebagai panduan yang menarik manusia jauh daripada kesesatan.

Ulama terdahulu bukan sahaja mantap dalam penguasaan pelbagai bidang ilmu, bahkan turut melazimi adab dan akhlak. Imam Malik dikhabarkan sangat mengutamakan adab dalam pengajian ilmu. Hal ini telah disebutkan oleh salah seorang anak didik beliau iaitu Abdullah ibn Wahab. Kata beliau:

“Apa yang kami pelajari daripada adab Imam Malik itu lebih

banyak daripada apa yang kami pelajari daripada ilmunya”

(Kitab Ihya' al-Auliya' wa Tabaqat al-Asfiya')

Ilmuwan silam banyak menulis tentang adab menuntut ilmu. Secara umumnya, sesetengah ulama begitu tekun mengarang kitab adab yang sebahagiannya dijadikan rujukan bagi institusi-institusi di seluruh dunia. Hal ini telah membuktikan pentingnya adab dalam entiti seorang pelajar.

Syeikh al-Zarnuzi melalui kitabnya Ta'lim al-Muta'alim telah menyenaraikan beberapa adab dalam menuntut ilmu. Antaranya adalah memiliki niat yang bersungguh-sungguh, tabah, menghormati ilmu dan ulama, memiliki kesungguhan dan minat yang kuat, tertib, takwala, pandai memanfaatkan waktu

belajar, bersifat kasih sayang sesama penuntut ilmu, serta warak (menjaga diri daripada hal-hal yang syubhah dan haram dalam urusan menimba ilmu). Al-Zarnuzi juga menggariskan panduan dalam memilih rakan. Menurut beliau, seorang penuntut ilmu sebaik-baiknya mestilah mencari rakan yang rajin, warak dan mempunyai personaliti yang baik, mudah memahami ilmu, tidak malas, tidak banyak bercakap dan sebagainya.

Dalam membicarakan soal warak, al-Zarnuzi menyatakan bahawa perbuatan warak termasuklah mengelakkan diri daripada makan terlalukenyang, tidursecaraberlebihan dan terlalu banyak bercakap perkara yang tidak mendatangkan manfaat. Selain itu, seorang penuntut ilmu wajar memperbanyakkan amalan sembahyang serta melaksanakannya dengan khusyuk. Tambahnya lagi, solat ialah wasilah penting bagi membantu pelajar mencapai kejayaan dalam pelajaran. Beliau turut mengingatkan para pencari ilmu agar sentiasa membawa buku untuk dipelajari dan alat tulis bagi tujuan mencatat.

Kitab lain yang menghuraikan adab-adab menuntut ilmu ialah Ma'alim fi Adab al-Muta'allim. Pengarangnya, Syeikh Ahmad bin Mahmud telah membahagikan adab penuntut ilmu kepada empat bab, iaitu:


- 1) Adab Penuntut Ilmu terhadap Dirinya
- 2) Adab Penuntut Ilmu terhadap Gurunya
- 3) Adab Penuntut Ilmu terhadap Pembelajarannya
- 4) Adab Penuntut Ilmu terhadap Bukunya

Dalam membahaskan adab penuntut ilmu terhadap pembelajarannya, Syeikh telah menekankan aspek masa. Menurut beliau, para pelajar seharusnya hadir awal ke majlis ilmu atau kelas pengajian.

Menurut Syeikh lagi, seseorang yang sedang berada di jalan ilmu tidak seharusnya bersifat malu bertanyakan soalan. Tambah beliau, pertanyaan kepada guru itu mestilah dihiasi dengan adab dan kesopanan. Dalam sebuah hadis bertaraf hasan (baik), Aisyah RA telah berkata:

“Sebaik-baik wanita ialah wanita kaum Ansar. Malu tidak akan menghalangi mereka daripada bertanya tentang agama dan memperoleh pemahaman yang mendalam mengenainya.”

(Riwayat al - Bukhari).





Tidak dinafikan, sifat malu dianggap terpuji dalam agama. Lebih-lebih lagi, sifat ini merupakan salah satu daripada cabang iman sepertimana yang dinukilkan dalam sebuah hadis sahih yang masyhur:

“Malu itu sebahagian daripada iman”

(Riwayat al - Bukhari).

Namun demikian, malu yang dimaksudkan di sini adalah malu untuk melakukan maksiat dan malu jika tidak melaksanakan perintah Allah dan Rasul, bukan malu untuk bertanya tentang ilmu. Syeikh Ahmad turut memetik kata-kata seorang tokoh Tabi'in bernama Imam Mujahid yang bermaksud:

“Ilmu tidak akan diperoleh oleh orang yang malu dan juga oleh orang yang sombong”.

Secara tuntasnya, Islam mengajarkan penganutnya bahawa adab dan akhlak sentiasa mendahului ilmu pengetahuan. Tanpa kedua-dua elemen tersebut, maka akan pincanglah sesebuah ilmu dari sudut keberkatannya. Syeikh Abdullah bin Mubarak pernah menyatakan: “Aku mempelajari adab menuntut ilmu selama 30 tahun, kemudian baru mempelajari ilmu.” (Kitab Ghoyatul Nihayah fi Tobaqat al-Qira’)



Bersegeralah Beramal Soleh

Bakri Bin Amboala
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Dakwah JAKIM Putrajaya

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٦﴾

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika dia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.” [Surah at-Tin 4-6]

Berkata ‘Krimah rahimahullah: Maksud ayat: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya,” sebagaimana pada waktu muda, iaitu masa kuat dan semangat untuk beramal.”

Menurut Ibnu ‘Abbas dan beberapa ulama tafsir yang lain maksud ayat: “kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya” adalah dikembalikan ke masa tua renta setelah berada pada usia muda,

atau dikembalikan pada masa-masa tidak bersemangat untuk beramal setelah sebelumnya berada pada masa bersemangat untuk beramal.”

Menurut an-Nakha’i maksud ayat: “bagi mereka pahala yang tidak putus-putus” adalah jika seorang mukmin berada di usia tua dan pada saat itu sangat sukar/uzur untuk beramal, maka akan dicatat untuknya pahala sebagaimana amal yang dahulu dilakukan pada saat muda.”

RENUNGAN

Ayat ini memberi kefahaman kepada kita bahawa perlu segera beramal pada waktu sihat, pada waktu muda dan pada waktu lapang. Jangan ditangguh-tangguh dan diremehkan. Ini kerana jika seseorang itu pada waktu mudanya kuat beramal soleh, melakukan perkara kebaikan dan kebajikan, tatkala tiba usia tua, uzur dan sudah tidak mampu lagi beramal, tetap dikurniakan pahala sebagaimana yang diperoleh pada waktu muda dahulu.

Namun, jika pada waktu muda tiada ada sebarang amal, maka pada waktu uzur, tiada ada sebarang ganjaran pahala. Hanya penyesalan dan kerugian. Setiap Muslim hendaklah segera beramal sebelum datangnya tujuh perkara:

1. Kefakiran yang akan melupakan kamu daripada kewajipan,
2. Kekayaan yang akan menimbulkan rasa angkuh yang melampui batas,
3. Penyakit yang membinasakan sehingga sukar untuk beramal soleh,
4. Masa tua yang menimbulkan kenyanyukan dan keuzuran,
5. Kematian yang cepat dan secara tiba-tiba,
6. Kemunculan Dajjal sebagai makhluk jahat yang menyesatkan, dan
7. Hari Kiamat yang sangat mengerikan. (Rujuk HR at-Tirmizi)

Bersegeralah beramal soleh, semoga kita beroleh keampunan, ganjaran

pahala yang lumayan dan syurga yang indah.

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَعْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾

“Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.”


[Surah Ali Imran 133]

فَاسْتَبِقُوا الْحَيْرَاتِ

“Berlumba-lumbalah dalam kebaikan.” [Al-Baqarah: 148]


Jadikan usia muda dan waktu sihat sebagai waktu paling bersemangat untuk beramal. Manfaatkanlah peluang Ramadan dengan sebaik-baiknya. Janganlah disia-siakan.





مِن فِتْنَةِ الْعَالِمِ أَنْ يَكُونَ
الْكَلَامُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنَ
الاسْتِمَاعِ

***“Antara godaan terbesar orang
yang berilmu adalah lebih
senang berbicara daripada
mendengarkan.”***



(Al-Imam al-Ghazali)



Rasulullah

Contoh Akhlak Terbaik

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”

[Al-Ahzab:21]

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”

[Riwayat Ahmad (8952)]

[Syeikh Syu'aib al-Arna'outh menilai hadits ini sebagai sahih dan sanadnya kuat]

حَدَّثَنِي أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيُّ قَالَ قُلْتُ لِعَائِشَةَ كَيْفَ كَانَ خُلُقُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَهْلِهِ قَالَتْ كَانَ أَحْسَنَ النَّاسِ خُلُقًا لَمْ يَكُنْ فَاخِشًا وَلَا مُتَفَحِّشًا وَلَا سَخَابًا بِالْأَسْوَاقِ وَلَا يُجْرَى بِالسَّيِّئَةِ مِثْلَهَا وَلَكِنْ يَغْفُو وَيَبْصَحُ

Telah menceritakan kepadaku Abu Abdullah al-Jadali dia berkata: Saya bertanya kepada Aisyah, “Bagaimanakah akhlak Rasulullah SAW terhadap keluarganya?” Aisyah berkata, **“Baginda ialah orang yang paling baik akhlaknya, tidak pernah berbuat keji, tidak bercakap dengan kata-kata yang kotor, tidak berteriak-teriak di pasar, dan tidak pernah membalas dengan kejahatan yang sama (yang diperlakukan kepadanya), akan tetapi baginda seorang yang pemaaf dan pengampun.”**

[Riwayat Ahmad No: 24797]

BUKU BAHARU

MENELUSURI FITRAH INSANI

- Perbahasan tentang senario LGBT masa kini
- Pengenalannya berkenaan fenomena, gerakan serta isu- isu yang berkaitan LGBT di Malaysia
- Sudut pandang Islam dan Barat terhadap LGBT
- Hujah balas terhadap dalil yang diselewengkan oleh pro LGBT
- Faktor serta implikasi perlakuan LGBT
- Dokumentasi program kesejahteraan dan bimbingan JAKIM kepada komuniti LGBT



Buku ini juga menampilkan catatan penulis ketika menembual responden sewaktu menjalankan kajian Ijazah Doktor Falsafah serta rakaman pengalaman penulis dan sahabat penulis ketika melaksanakan program Mukhayyam bersama komuniti LGBT.

Diharapkan buku ini dapat menjadi panduan kepada seluruh lapisan masyarakat dalam berinteraksi berkenaan isu LGBT.

Kesimpulannya, pendidikan dan pencegahan kepada yang belum terlibat, dakwah dan bimbingan bagi yang telah terjebak, dialog dan hujah bagi yang tegar serta penguatkuasaan undang-undang kepada yang mempromosi gaya hidup yang bercanggah dgn agama, nilai dan budaya masyarakat setempat.



Kedai Buku Jakim



bukuJakim





Kedai Buku Jakim



DISKUSI ISU AQIDAH DAN PEMIKIRAN SEMASA DI MALAYSIA

Buku ini memberi kupasan yang komprehensif mengenai isu-isu semasa aqidah merangkumi isu-isu Islam dalam perlembagaan, ajaran sesat, Islam liberal



Penerbitan buku ini diharap dapat membuka minda dan memberi kesedaran kepada masyarakat Islam supaya menjadi insan yang kukuh aqidahnya dalam menjalani serta mengharungi kehidupan seharian sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

ISBN: 978-983-042-533-7
CETAKAN PERTAMA: 2013
CETAKAN KEDUA: 2015
BIDANG: AQIDAH
HALAMAN: 517 MUKA SURAT

Dapatkan buku ini di:
Kedai Buku JAKIM
Aras 1 dan 3, Blok B,
Kompleks Islam Putrajaya
No. 23 Jalan Tunku Abdul Rahman
62100 W.P. Putrajaya
No. Telefon: 03-8870 7446

Tawaran Menulis Dalam Majalah Cahaya:

Adakah anda seorang penulis?

Atau ingin mencuba menulis, atau berhasrat memberi sumbangan dalam Majalah Cahaya. Anda boleh menulis dari sekarang. Hantar sumbangan anda segera!!! Bayaran akan dibuat setelah artikel anda terpilih dan diterbitkan.

Majalah Cahaya mengalu-alukan sumbangan daripada pembaca. Ganjaran berpatutan.
Sila mana yang berkenan:

Sajak, Fokus, Semasa, Rencana, Bicara Penulis, Motivasi, Nilai Murni, Ibrah daripada Sirah, Cerpen / Novel Bersiri, Tanya Jawab, Diari Mahasiswa, Lain-lain (Nyatakan)

Borang Sumbangan:

BORANG SUMBANGAN	
Nama :	<input type="checkbox"/> Sajak
Nama Samaran (Jika ada) :	<input type="checkbox"/> Fokus
Alamat :	<input type="checkbox"/> Semasa
.....	<input type="checkbox"/> Rencana
Poskod : Negeri :	<input type="checkbox"/> Bicara Penulis
No K/P : No. Tel :	<input type="checkbox"/> Motivasi
Pekerjaan :	<input type="checkbox"/> Nilai Murni
Tahap Pendidikan :	<input type="checkbox"/> Ibrah Daripada Sirah
No Akaun :	<input type="checkbox"/> Cerpen/Novel Bersiri
Bank :	<input type="checkbox"/> Tanya Jawab
Cawangan :	<input type="checkbox"/> Diari Mahasiswa
Tarikh :	Sila <input checked="" type="checkbox"/> yang berkenaan.

PERHATIAN: Borang ini boleh difotostat.

Alamatkan sumbangan anda kepada:

Pengarang Majalah Cahaya
Bahagian Penerbitan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3
62100 Putrajaya

